

10/09/2003

MM Chip bukan untuk kaut keuntungan

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Pembelian hak, paten dan rekaan teknologi cip Malaysian Microchip (MM Chip) dan pemilikan modal 50 peratus dalam First Hill Electronic Co (M) Sdn Bhd oleh kerajaan bukan bertujuan mengaut keuntungan kewangan.

Sebaliknya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata matlamat kerajaan mengambil alih hak rekaan, pemilikan paten, pengeluaran dan pemasaran MM Chip kerana ia mempunyai pulangan yang lebih penting daripada wang semata-mata.

Beliau berkata, dalam setiap pelaburan seperti dilakukan penanam modal (venture capital) pelabur berharap ia akan memberikan keuntungan yang baik.

"Saya berpendapat untuk mengetahui dan memahami teknologi ini sudah cukup baik untuk Malaysia. Kita bukan melihat kepada wang (pulangan pelaburan) tetapi teknologi canggih yang berkaitan dengannya. Bagaimanapun kita percaya ia (MM Chip) mampu membawa keuntungan (kewangan)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara kerajaan Malaysia dan First Hill Electronic Co (M) Sdn Bhd bagi pembelian hak, paten dan teknologi MM Chip di Jabatan Perdana Menteri di sini semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan manakala First Hill Electronic Co (M) Sdn Bhd diwakili Ketua Eksekutifnya, Kunioki Ichioka.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Samsudin Hitam.

MM Chip yang direka oleh syarikat Jepun dan berdasarkan teknologi Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) adalah cip terkecil ketika ini serta mampu digunakan dalam pelbagai aplikasi.

Pengumuman kerajaan untuk terbabit termasuk pembelian hak keseluruhan termasuk 29 paten rekaan kepada cip berukuran kurang 0.4 milimeter (mm) persegi itu dibuat ketika mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya Khamis lalu.

Berikutan saiznya yang sangat kecil berbanding cip sedia ada, ia adalah pengganti lebih baik serta dapat dimasukkan ke dalam mata wang, passport, kad pengenalan selain peralatan elektronik yang memerlukan penyimpanan dan pembacaan data secara teknologi bacaan radio.

Aplikasinya juga boleh diperluaskan dalam bidang keselamatan, kesihatan, pembuatan, pengesanan dan identifikasi.

Cip itu juga mempunyai antena yang dibina terus dalam cip itu berbanding teknologi cip sedia ada yang mana antena dibina di luar, sekali gus menjadikan cip sedia ada tidak sesuai untuk digunakan dalam beberapa aplikasi.

Pada sidang media itu, demonstrasi bagaimana cip itu dapat digunakan bagi mengukur suhu pesakit secara berterusan dengan mudah dan pantas tanpa perlu menggunakan jangka suhu atau alat lain.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menyatakan jumlah pelaburan kerajaan bagi membeli hak terhadap MM Chip selain pegangan 50 peratus dalam First Hill Electronic Co (M) Sdn Bhd kecuali ia adalah pelaburan berpatutan.

"Kita percaya kita berada di depan berbanding yang lain kerana cip lain tidak sekecil MM Chip dan mempunyai antenanya sendiri. Jadi dalam banyak aspek kita di hadapan," katanya sambil menambah pengeluaran awal cip itu akan dibuat di Jepun.

Katanya, persediaan akan dilakukan bagi mengeluarkan cip itu di Malaysia menerusi kemudahan fabrikasi wafer Silterra di Kulim.

Mengenai bila ia akan dikeluarkan di sini, Dr Mahathir berkata: "Kita memerlukan masa... sedikit masa."

